

Tajuk : **TAWARAN PINJAMAN PELAJARAN MARA BAGI MENGIKUTI PENGAJIAN DI INSTITUSI  
PENGAJIAN TINGGI LUAR NEGARA SESI 2010/2011 DI BAWAH SKIM TINDIKAN  
TENAGA PENGAJAR (STTP)**

Calon-calon Bumiputera warganegara Malaysia bekas pelatih KKTM/IKM adalah dipelawa untuk memohon tajaan MARA bagi melanjutkan pengajian di Institusi Pengajian Tinggi di luar negara seperti butiran di bawah:-

**1.0 PERINGKAT PENGAJIAN /BIDANG TAJAAN & SYARAT KELAYAKAN**

<b>PERINGKAT PENGAJIAN</b>	<b>BIDANG PENGAJIAN</b>	<b>SYARAT KELAYAKAN AKADEMIK</b>	<b>HAD UMUR PADA 31 DISEMBER 2010</b>
Ijazah Pertama	Kejuruteraan	Diploma yang diiktiraf dalam bidang berkaitan atau setaraf dengannya, DAN pencapaian CGPA 3.50 ke atas	Tidak melebihi 30 tahun

**2.0 SYARAT-SYARAT AM PERMOHONAN**

- a. Bumiputera dan warganegara Malaysia.
- b. Bekas pelatih KKTM/IKM.
- c. Tidak pernah mengikuti kursus di peringkat pengajian yang sama di bawah pembiayaan sendiri atau dianjurkan oleh mana-mana badan penganjur termasuk MARA.
- d. Aktif dalam ko-kurikulum semasa di kolej/Institusi/universiti.
- e. Lulus SPM dengan kredit Bahasa Melayu dan Matematik.

**3.0 SYARAT-SYARAT TAWARAN BANTUAN PINJAMAN PELAJARAN**

- a. Wajib menduduki ujian International English Language Testing System (IELTS) atau Test of English as a Foreign Language (TOEFL) dengan memperolehi markah sekurang-kurangnya 5.5 ke atas bagi ujian IELTS atau 550/65 bagi ujian TOEFL.
- b. Perlu mendapat cuti belajar tanpa gaji/pengesahan perletakan jawatan dari majikan bagi calon-calon yang sedang berkhidmat. Calon-calon di dalam perkhidmatan tetap pendidikan/perguruan atau mempunyai ikatan perkhidmatan di kalangan tenaga pengajar di IPTA dan IPTS adalah **tidak layak** untuk memohon.
- c. Mendapat kelulusan penangguhan kontrak perkhidmatan/penangguhan bayaran balik pinjaman jika pernah ditaja oleh badan penganjur lain.
- d. Wajib hadir dan lulus kursus orientasi/kursus kenegaraan anjuran MARA-BTN.

#### **4.0 PERHATIAN**

- a. Pemohon mestilah telah manamatkan semester akhir pengajian pada tarikh permohonan dibuat.
- b. MARA akan menyediakan tempat pengajian dengan bilangan yang terhad mengikut yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan MARA.
- c. Tawaran ini adalah untuk kemasukan sesi pengajian yang bermula di antara bulan Julai 2010 hingga bulan Februari 2011.

#### **5.0 BORANG PERMOHONAN**

- a. Borang permohonan boleh diperolehi dengan menyertakan/membawa sijil kelulusan akademik /transkrip keputusan peperiksaan yang berkaitan ke alamat berikut:-

**Pengarah**

**Bahagian Pendidikan & Latihan (Kemahiran) MARA**

**Tingkat 20, Medan MARA, Jalan Raja Laut,**

**50609 Kuala Lumpur.**

**(U/P : Unit Pengantarabangsaan)**

- b. Permohonan melalui pos juga boleh dibuat dengan menyertakan salinan sah sijil kelulusan akademik/transkrip akhir yang berkaitan serta sampul surat berukuran 25sm x 37sm beralamat sendiri dan dilekatkan setem bernilai RM1.00.
- c. Hanya calon-calon yang layak sahaja akan diberi borang permohonan.

**Borang permohonan yang telah lengkap diisi beserta dengan salinan-salinan dokumen yang disahkan hendaklah sampai ke alamat seperti di atas sebelum atau pada 31 Mac 2010.**

**Permohonan yang tidak mendapat maklumbalas daripada pihak MARA selepas 3 bulan daripada tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya. Keputusan adalah muktamad dan sebarang surat-menyerat rayuan tidak akan dilayan.**